

PEDOFILIA DALAM HADIS NABAWI: ANALISIS TEMATIK

Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir, Syarul Azman Shaharudin, Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin

aburhamdi@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

Abstrak

Isu pedofilia merupakan isu yang sering diabaikan oleh ibubapa dan masyarakat umum, hakikatnya pedofilia ini berlaku dengan serius dan kritikal dalam institusi kekeluargaan, pendidikan dan sosial. Antara faktor punca berlakunya salah laku pedofilia ialah kecuaiannya ibubapa yang tidak memberikan pendidikan seks sewajarnya ketika seseorang mencapai usia remaja. Begitu juga dengan faktor kerendahan moral dan mentaliti pelaku yang tidak dapat mengawal hawa nafsunya. Oleh itu, penderaan seksual yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan remaja disifatkan menyumbang kepada mereka untuk mengalami masalah mental yang serius. Dalam hal ini, ahli keluarga seringkali dikaitkan dengan penderaan seksual dan pengabaian emosi turut berlaku secara serius terhadap kanak-kanak tersebut. Justeru itu, artikel ini mengumpulkan dan menganalisis hadis Rasulullah SAW berkaitan dengan salah laku penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Dengan menggunakan metode kualitatif, kajian ini mendapati terdapat sejumlah hadis yang menghuraikan beberapa hujah yang menjurus kepada permasalahan pedofilia. Oleh itu kajian ini bukan sekadar untuk mengenalpasti hadis-hadis Nabawi secara tematik, malah ianya berpeluang untuk menghasilkan satu output yang besar dari sudut psikoterapi dalam mewujudkan satu kaedah dalam pemulihan masalah gangguan seksual pelaku pedofilia.

Kata Kunci: *Hadis; Psikoterapi; Pedofilia; Pemulihan; Kanak-Kanak.*

1. Pendahuluan

Pedofilia atau gangguan seksual terhadap kanak-kanak merupakan satu penyakit psikologi yang merebak dalam masyarakat sejak berkurun lamanya, sehingga hari ini ia masih tidak dapat dirawat dan dibendung. Menunjukkan dengan jelas, semakin ramai yang menghidap masalah ini semakin ramailah yang berisiko untuk menjadi mangsa dan pemangsa pedofilia. Malaysia antara negara yang tidak terkecuali dalam kes-kes jenayah melibatkan pedofilia. Dan antara kes yang menggemparkan Malaysia pada satu ketika dahulu berkenaan adik Nurin Jazlin ditemui maut dalam keadaan yang menyayat hati, bedah siasat mayat mangsa mendapati bahawa pembunuh telah memasukkan timun dan terung ke dalam kemaluan mangsa, menyebabkan rektum mangsa pecah hingga dijangkiti bakteria dan membawa maut kepada mangsa, dan kes ini berlaku pada tahun 2007 (Sinar Online Julai 2018).

Tidak cukup dengan itu, pada tahun 2016 Malaysia dikejutkan lagi dengan penangkapan seorang warga Britain Richard Huckle yang telah didapati merupakan pesalah laku pedofilia. Huckle dilapor telah mencabul sehingga 200 kanak-kanak, kebanyakannya daripada komuniti miskin di Kuala Lumpur ketika berada di Malaysia sebagai guru Bahasa Inggeris pada usia 18 atau 19 tahun. Beliau mengaku melakukan perkara tersebut terhadap mangsa berusia di antara enam hingga 12 tahun dari tahun 2006 ke 2014. Dia dijatuhi 22 hukuman penjara seumur hidup dan bakal menjalani tempoh minimum selama 23 tahun (Astro Awani, Jun 2016).

Kemunculan kes-kes sebegini sedikit sebanyak telah merubah sistem undang-undang Malaysia dalam menjaga hak perlindungan dan keselamatan kanak-kanak khususnya. Dan perkara ini merupakan virus yang merebak dalam masyarakat dunia hari ini. Rentetan dari kes-kes jenayah pedofilia yang berlaku membuatkan pihak-pihak tertentu terutamanya kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya, tambahan itu kesedaran tentang isu ini juga perlu diwar-warkan agar ianya tidak hilang dan diabaikan oleh ibubapa dan masyarakat.

Kajian ini penting untuk dijalankan dengan serta merta, ini kerana kes sebegini tidak mampu dibendung hanya dengan hukuman dan denda berdasarkan undang-undang Malaysia. Rawatan dan kaunseling diperlukan untuk memulihkan kembali sistem psikologi, orientasi seksual dan kerohanian pelaku. Sehubungan dengan itu, Islam sebagai agama yang syumul telah merangkumi seluruh aspek dalam kehidupan manusia, sama ada secara fizikal atau pun rohani. Sesuai dengan tajuk artikel ini 'Pedofilia dalam Hadis Nabawi: Analisis Tematik' merupakan satu usaha dalam mengenal pasti dan menganalisis hadis-hadis berkenaan pedofilia secara *direct* atau *indirect*. Di samping itu, hadis nabawi juga akan dianalisis sesuai dengan tematik pedofilia, bagi mencari solusi untuk pemulihan rawatan psikoterapi pedofilia.

2. Perlindungan Kanak-Kanak menurut al-Quran dan Hadis

Islam adalah agama yang memberi rahmat kepada seluruh penganutnya dari pelbagai latar belakang, bangsa, warna kulit, dan kategori umur bermula dari kanak-kanak sehinggalah warga emas. Agama yang menjadikan kasih sayang sebagai paksi kesejahteraan insan, sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Maryam ayat 96:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ۙ ٩٦

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah SWT yang melimpah-limpah rahmatNya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang.

Malah Rasulullah SAW bersabda:

عن التُّعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحُمِهِمْ وَتَوَادُّهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ، كَمَثَلِ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى عُضْوًا تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى.

[al-Bukhari, *Kitab al-Adab, Bab Rahmat al-nas wa al-baha'im*, No. 6011]

Maksudnya:

Daripada Al-Nu'man bin Bashir berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “*Kamu melihat kaum mukminin dalam kasih sayang, rasa cinta, dan saling membantu sesama mereka seperti sebuah jasad. Apabila satu anggota mengadu sakit, anggota lain pun tidak boleh tidur dan merasa demam.*”

Setiap orang yang beriman Allah SWT anugerahkan padanya nikmat kasih sayang sesama mereka, dan kanak-kanak adalah golongan yang perlu diberi tumpuan dan perhatian khusus berkaitan hak penjagaan dan perlindungan, kerana mutakhir ini, Statistik dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 22,234 kes penderaan seksual kanak-kanak telah direkodkan dari tahun 2010 hingga Mei 2017 iaitu dengan purata kes sebanyak 3,176 kes setahun. Jumlah tersebut mewakili empat kategori penderaan seksual iaitu rogol sebanyak 13,272 kes diikuti cabul sebanyak 6,014 kes, sumbang mahram sebanyak 1,796 kes dan perbuatan luar tabii sebanyak 1,152 kes. Kajian menunjukkan satu daripada empat kanak-kanak perempuan dan satu daripada enam kanak-kanak lelaki telah menjadi mangsa penderaan seks sebelum mereka berumur 18 tahun (Pereda, et. al, 2009).

Oleh itu, menjadi tanggungjawab kerajaan, ibubapa dan masyarakat untuk melindungi golongan kanak-kanak dari menjadi mangsa eksploitasi golongan yang tidak bertanggungjawab. Dan Nabi SAW sangat melarang sebarang perbuatan terkutuk tersebut berdasarkan sabdanya:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا، وَيُوقِّرْ كَبِيرَنَا، وَيَأْمُرَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ.

[al-Tirmidhi, *Kitab al-Bir wa al-Silah 'an Rasulillah SAW, Bab ma ja'a fi rahmat al-sibyan*, No. 1921, Hasan Gharib]

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Abbas berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “*Bukanlah termasuk golongan kami, mereka yang tidak mengasihi anak-anak kecil kami dan tidak pula menghormati orang tua kami, serta tidak menyuruh yang makruf dan melarang yang munkar*”.

Memberi perlindungan dan kasih sayang kepada anak-anak kecil tidak boleh disalah erti sebagai gangguan seksual terhadap kanak-kanak. Rasulullah SAW menjadi contoh dan idol kepada umat akhir zaman dalam setiap hal dan perkara dalam hidup. Ini kerana Islam bukan sekadar agama yang menumpukan kepada ritual ibadah semata-mata, tetapi Islam itu sendiri adalah cara hidup manusia.

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَبَّلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَسَنَ بْنَ عَلِيٍّ وَعِنْدَهُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسِ التَّمِيمِيِّ جَالِسًا، فَقَالَ الْأَقْرَعُ: إِنَّ لِي عَشْرَةَ مِنَ الْوَالِدِ مَا قَبَّلْتُ مِنْهُمْ أَحَدًا، فَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ: مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ.

[al-Bukhari, *Kitab al-Adab, Bab Rahmat al-Walad wa Taqbilahu wa Mu'aniqatah*, No. 5997]

Maksudnya:

Sesungguhnya Abu Hurairah RA berkata: “*Rasulullah SAW pernah mencium al-Hasan bin ‘Ali sedangkan di sisi Baginda al-Aqra’ bin Habis al-Tamimi sedang duduk, lalu al-Aqra’ berkata: “Sesungguhnya aku memiliki sepuluh orang anak, namun aku tidak pernah mencium mereka sekalipun, maka Rasulullah SAW memandang ke arahnya dan bersabda: “Barangsiapa tidak mengasihi maka ia tidak akan dikasihi”*”.

Dari hadis di atas ianya menunjukkan betapa Rasulullah SAW memuliakan anak-anak kecil dengan kemesraan dan kasih sayang sehinggakan Rasulullah SAW menegur sahabat ‘*barangsiapa tidak mengasihi maka ia tidak akan dikasihi*’, menunjukkan dengan jelas hak kanak-kanak perlu dipenuhi dan disempurnakan. Selain hadis di atas, terdapat juga sebuah hadis yang membuktikan ketinggian akhlak Rasulullah SAW terhadap kanak-kanak:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَدَّادٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي إِحْدَى صَلَاتِي الْعَشِيِّ، الظُّهْرِ - أَوْ الْعَصْرِ - وَهُوَ حَامِلُ الْحَسَنِ - أَوْ الْحُسَيْنِ - فَتَقَدَّمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَضَعَهُ، ثُمَّ كَبَّرَ لِلصَّلَاةِ، فَصَلَّى، فَسَجَدَ بَيْنَ ظَهْرَانِي صَلَاتِهِ، سَجْدَةً أَطَالَهَا فَقَالَ: إِنِّي رَفَعْتُ رَأْسِي، فَإِذَا الصَّبِيُّ عَلَى ظَهْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهُوَ سَاجِدٌ، فَرَجَعْتُ فِي سُجُودِي، فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ، قَالَ النَّاسُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّكَ سَجَدْتَ بَيْنَ ظَهْرَانِي صَلَاتِكَ، هَذِهِ سَجْدَةٌ قَدْ أَطَلْتَهَا، فَظَنَّنَا أَنَّهُ قَدْ حَدَثَ أَمْرٌ، أَوْ أَنَّهُ يُوحَى إِلَيْكَ، قَالَ: فَكُلُّ ذَلِكَ لَمْ يَكُنْ وَلَكِنَّ ابْنِي ارْتَحَلَنِي، فَكَرِهْتُ أَنْ أُعَجِّلَهُ حَتَّى يَقْضِيَ حَاجَتَهُ.

[Imam Ahmad, *Kitab Musnad Ahmad, Bab Hadis Syaddad bin Had*, Hadis no 16033]

Maksudnya:

Daripada Abdullah Ibn Syaddad RA daripada ayahnya berkata: Rasulullah SAW keluar untuk (solat jemaah) bersama kami pada salah satu solat di waktu petang, (tidak pasti) Zuhur atau Asar. Baginda SAW sedang mendukung (cucunya) iaitu Hasan atau Hussain RA. Baginda SAW bergerak ke hadapan (untuk menjadi imam) dan meletakkan cucunya. Kemudian baginda SAW mengangkat takbir untuk solat, lalu mendirikan solat. Baginda SAW sujud di tengah-tengah solatnya dengan sujud yang sangat panjang. Syaddad RA berkata: Aku pun mengangkat kepala aku, dan aku melihat kanak-kanak tadi berada di atas belakang Rasulullah SAW ketika baginda SAW sedang sujud. Aku pun kembali sujud. Apabila Rasulullah SAW selesai mendirikan solat, para jemaah bertanya: Ya Rasulullah!

Sesungguhnya engkau telah sujud di tengah-tengah solat mu dengan sujud yang panjang. Kami menyangka sesuatu telah berlaku, atau wahyu telah dihantar kepada engkau. Rasulullah SAW menjawab: Semua itu tidak berlaku. Sebaliknya cucu aku ini sedang menunggang ku. Aku tidak suka untuk segera (bangkit) sehingga dia telah selesai menunaikan hajatnya.


Hadis ini menunjukkan betapa hebatnya akhlak Rasulullah SAW terhadap kanak-kanak, sehinggakan dalam bab menunaikan kewajipan ibadah kepada Allah masih ada ruang untuk memuliakan kanak-kanak, inilah uswatun hasanah yang sepatutnya menjadi ikutan umat.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan kaedah *systematic literature review* (SLR). Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenalpasti tematik hadis berkaitan pedofilia. Metode kajian yang dilakukan adalah analisis hadis terhadap kitab-kitab hadis yang dikarang oleh para ulama Muhaddithin. Kadar rujukan adalah semua hadis yang telah dibukukan tanpa meletakkan kriteria status pengambilan hadis. Kajian ini mensasarkan beberapa objektif kajian, iaitu:

- Menganalisis hadis tematik yang khusus berkaitan pedofilia.
- Melihat pandangan al-Quran dan hadis berkenaan isu pedofilia.

Analisis tematik kajian terkumpul merupakan hadis-hadis yang berkait dengan pedofilia atau seksual terhadap kanak-kanak. Setiap hadis telah dikumpulkan melalui istilah pedofilia. Justeru, hadis-hadis selain dari subjek yang berkenaan terkeluar dari sistem literatur sistematik.



Rajah 1: frasa 1- Carian Primitif

Rajah 1 memaparkan kajian ini menggunakan metode tinjauan literatur sistematik yang merangkumi bilangan, hadis, sumber dan status hadis. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti pedofilia dalam hadis nabawi secara tematik. Prinsip matrik sorotan sistematik literatur atau *systematic literature review* (SLR) telah diikuti oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi melihat dengan jelas fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi et al., 2016). Dalam kajian ini kata kunci hadis pedofilia atau hadis seksual terhadap kanak-kanak digunakan bagi mendapatkan data kajian. Kajian ini dibantu dengan akses kitab elektronik *maktabah syamilah* dan *search engine google* dalam *website hdith.com*. Daripada dua belas (12) jumlah carian hadis yang berkaitan dengan kajian, hanya lima (5) hadis sahaja diterima untuk dianalisis di dalam SLR. Kajian ini menggunakan metode SLR bagi memudahkan proses analisis tematik kajian, dan ianya sangat membantu proses kajian.

4. Dapatan dan Perbincangan

Bagi menganalisis kajian ini secara sistematik, 5 hadis telah dikenal pasti sebagai hadis yang menepati tema kajian iaitu analisis tematik hadis nabawi terhadap pedofilia. Jadual 1 dibawah menyenaraikan 5 hadis hasil dari analisis SLR.

Jadual 1: SLR Analisis Tematik

Bil	Hadis	Sumber	Status
1.	قال النبي صلى الله عليه وسلم: من قبل غلاما بشهوة عذبه الله في النار ألف سنة وان كان ابراهيم خليل الله وموسى كلیم الله وعيسى روح الله.	Al-Syeikh Muhiyuddin, <i>Kitab Syifa al-Qalb</i> , bab seksa orang yang meliwat, Bab 27.	<i>Mawdu'</i> (palsu)
	Maksudnya: <i>Telah bersabda Nabi SAW: "sesiapa yang mencium kanak-kanak dengan keinginan syahwatnya, nescaya Allah Taala menyiksanya dalam api neraka seribu tahun, sekalipun dia Ibrahim Khalilullah, Musa Kalimullah dan Isa Rohullah</i>		
2.	قال النبي صلى الله عليه وسلم: من قبل غلاما بشهوة أجمه الله يوم القيامة بلجام من النار.	Al-Syeikh Muhiyuddin, <i>Kitab Syifa al-Qalb</i> , bab seksa orang yang meliwat, Bab 27.	<i>Mawdu'</i> (palsu)
	Maksudnya: <i>Telah bersabda Nabi SAW: "Sesiapa yang mencium kanak-kanak dengan keinginan syahwatnya, nescaya Allah Taala mengekangnya pada hari kiamat dengan suatu kekangan daripada api neraka".</i>		
3.	قال النبي صلى الله عليه وسلم: من قبل غلاما بشهوة لعنه الله وملائكته والناس اجمعون.	Al-Syeikh Muhiyuddin, <i>Kitab Syifa al-Qalb</i> , bab seksa orang yang meliwat, Bab 27.	<i>Mawdu'</i> (palsu)
	Maksudnya: <i>Telah bersabda Nabi SAW: "Sesiapa yang mencium kanak-kanak dengan keinginan syahwatnya, nescaya Allah Taala telah</i>		

melaknantinya, dan malaikatnya dan juga sekalian manusia.”

4. قال النبي صلى الله عليه وسلم: من قبل غلاما بشهوة عذبه الله في النار سبعين خريفا وكل خريف ثمانون سنة.
 Maksudnya:
Telah bersabda Nabi SAW: “Sesiapa yang mencium kanak-kanak dengan keinginan syahwatnya, nescaya Allah Taala menyiksanya dalam api neraka tujuh puluh musim (masa) dan setiap masa itu lapan puluh tahun lamanya.
- Al-Syeikh Muhiyuddin, *Kitab Syifa al-Qalb*, bab seksa orang yang meliwat, Bab 27. *Mawdu’ (palsu)*
5. من قَبَّلَ غلاما بشهوةٍ بَشَّرُوهُ بِلَعْنَةِ اللَّهِ فَإِنْ صَافَحَهُ بِشهوةٍ لَمْ يَقْبَلْ مِنْهُ صَلَاتُهُ فَإِنْ عَانَقَهُ بِشهوةٍ ضُرِبَ بِسِياطٍ مِنْ نارِ يَوْمِ الْقِيامةِ فَإِنْ فَسَقَ بِهِ أَدخلَهُ اللَّهُ النارَ.
 Maksudnya:
“sesiapa yang mencium kanak-kanak dengan keinginan syahwat, maka berilah nerite gembira akan laknat Allah, jika menyentuh mereka dengan syahwattidak diterima solat mereka, jika memeluk dengan syahwat akan dipukul dengan cemeti daripada neraka hari kiamat, dan sesiapa yang fasik dengannya dimasukkan mereka ke neraka”.
- Abu said al-Khadri, *Kitab Zakiratul Huffaz*, No hadis 2359. *Mawdu’ (palsu)*
-

Berdasarkan metode SLR kajian mendapati hasil analisis tematik mengumpulkan 5 hadis berkenaan mencium kanak-kanak dengan keinginan syahwat, dan 5 hadis ini sahaja secara jelas membawakan mesej besarnya azab Allah SWT kepada golongan yang memiliki syahwat kepada kanak-kanak, dan ianya boleh disifatkan dengan istilah pedofilia. Namun setelah diteliti, kelima-lima hadis tersebut tidak memenuhi syarat hadis *sahih* atau *hassan*, kerana semua hadis dapatan berstatus *mawdu’* menurut sumber rujukan kitab.

Ini menunjukkan dengan jelas bahawa tidak wujud hadis yang tepat secara zahirnya membicarakan isu pedofilia. Oleh itu, pengambilan hukum atau pengharaman Islam terhadap pedofilia boleh diqiaskan sepertimana qias penagih dadah terhadap hukum kepada peminum arak. Dadah dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-mukhaddarat* berasal daripada perkataan *mukhaddara* iaitu benda-benda yang boleh menyebabkan hilangnya pertimbangan dan kewarasan seperti ganja dan morfin (Al-Marbawi, 1998). *Al-mukhaddarat* ini sebagai benda-benda yang memabukkan dan boleh menghilangkan kewarasan akal dilihat bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

كل مسكر خمر وكل خمر حرام

Maksudnya:

Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap arak itu adalah haram.

[Muslim, Sahih Muslim, *Kitab al-Asyhabatu, Bab bayan Anna Kullu Muskirin khomru*, no hadis 2003]

Perkara utama menyebabkan pengharaman arak itu ialah sifat dan kesan arak itu sendiri yang memabukkan sehingga menghilangkan kewarasan akal berdasarkan kesepakatan umat Islam. Maka Islam telah menetapkan kaedah dalam mengeluarkan hukum-hukum fekah bahawa boleh dikongsi pengharaman benda memabukkan itu dengan perkara lain yang memabukkan juga berdasarkan sabda Rasulullah SAW (Sabir Abdul Ghani, Fadzli Adam & Muhammad Rashidi Wahab, 2014):

ليشربن ناس من أمي الخمر يسمونها بغير اسميها

Maksudnya:

Sebahagian daripada umat ku pasti akan meminum arak yang mereka namakan bukan dengan nama arak.

[Abi daud, Sunan Abi Daud, *Kitab al-Asyhabatu, Bab fi Au'iyah*, no hadis 3542]

Itulah serba sedikit qias pengharaman dadah menurut dalil arak, ini menunjukkan konsep pedofilia juga mengambil kaedah qias dalam menidakkan salah laku tersebut, kerana ianya berkait rapat dengan penzinaan.

Pedofilia umumnya tiada perbincangan dari al-Quran mahupun hadis secara khusus dan jelas, disebabkan itu pedofilia boleh dikategorikan hukuman syariah di bawah *ta'zir* sepertimana rogol. Setelah membuat beberapa analisis tematik hadis, dapatan kajian mendapati tiada hadis secara langsung menyentuh berkenaan pedofilia. Oleh itu perbincangan akan menyentuh tematik pedofilia secara tidak langsung.

Hadis berikut merupakan hadis berkenaan kejadian rogol yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW, dan hadis ini menjelaskan situasi dan hukuman buat pesalah laku tersebut.

عَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ وَاثِلِ الْكِنْدِيِّ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ امْرَأَةً خَرَجَتْ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تُرِيدُ الصَّلَاةَ، فَتَلَقَاهَا رَجُلٌ فَتَجَلَّلَهَا، فَقَضَى حَاجَتَهُ مِنْهَا، فَصَاحَتْ، فَانْطَلَقَ، وَمَرَّ عَلَيْهَا رَجُلٌ، فَقَالَتْ: إِنَّ ذَاكَ الرَّجُلَ فَعَلَ بِي كَذَا وَكَذَا، وَمَرَّتْ بِعِصَابَةِ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ، فَقَالَتْ: إِنَّ ذَاكَ الرَّجُلَ فَعَلَ بِي كَذَا وَكَذَا، فَانْطَلَقُوا، فَأَخَذُوا الرَّجُلَ الَّذِي ظَنَنْتُ أَنَّهُ وَقَعَ عَلَيْهَا وَأَتَوْهَا، فَقَالَتْ: نَعَمْ هُوَ هَذَا، فَأَتَوْا بِهِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا أَمَرَ بِهِ لِيُرْجَمَ قَامَ صَاحِبُهَا الَّذِي وَقَعَ عَلَيْهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنَا صَاحِبُهَا، فَقَالَ لَهَا: اذْهَبِي فَقَدْ غَفَرَ اللَّهُ لَكَ، وَقَالَ لِلرَّجُلِ قَوْلًا حَسَنًا، وَقَالَ لِلرَّجُلِ الَّذِي وَقَعَ عَلَيْهَا: ارْجُمُوهُ، وَقَالَ: لَقَدْ تَابَ تَوْبَةً لَوْ تَابَهَا أَهْلُ الْمَدِينَةِ لُقِبِلَ مِنْهُمْ.

[Imam al-Tirmizi, Sunan Tirmizi, *Kitab al-Hudud, bab Ma Ja'a Fi al-Mar'ah Iza Ustukrihat 'Ala al-Zina*, hadis no 1454].

Maksudnya:

Daripada Al-Qamah bin Wail al-Kindi daripada ayahnya itu:

“*Sesungguhnya terdapat seorang wanita telah keluar dari rumahnya pada zaman Nabi SAW kerana mahu mengerjakan solat di masjid. Lalu seorang lelaki menemuinya di tengah jalan lantas menindih dan merogolnya serta melempiaskan hajat nafsunya. Lantas wanita tersebut bertempik lalu perogolnya melarikan diri. Selepas itu seorang lelaki menemui wanita tersebut, lalu beliau berkata, “sesungguhnya lelaki itu telah melakukan ke atas ku perkara demikian yakni merogolnya”. Kemudian wanita itu bertemu pula sekumpulan orang-orang Muhajirin lantas berkata “Sesungguhnya lelaki itu telah melakukan ke atasku perkara demikian yakni merogolnya. Lalu mereka terus beredar dan menangkap lelaki yang disangka oleh wanita itu bahawa dia yang telah memperkosanya, lantas mereka membawanya kepada wanita itu seraya dia berkata, “ya, dialah orangnya yang telah merogolku”. Mereka terus membawa lelaki tadi kepada Rasulullah SAW. Tatkala Baginda SAW memerintahkan supaya lelaki itu direjam, bangun seorang lelaki yang sebenarnya telah merogol wanita itu sambil berkata, “wahai Rasulullah, akulah orangnya yang merogol wanita itu. Lantas Baginda bersabda kepada wanita itu, “Pergilah, sesungguhnya Allah telah mengampunkanmu”. Baginda seterusnya berkata kepada lelaki yang didakwa oleh wanita itu sebagai orang yang merogolnya dengan kata-kata yang baik. Seterusnya Baginda bersabda kepada lelaki yang mengaku merogolnya, “rejamlah dia” sambil bersabda, “sesungguhnya dia telah bertaubat kepada Allah dengan taubat yang jika seluruh penduduk Madinah bertaubat seperti itu, nescaya diterima Allah daripada mereka taubat itu”.*

Berkenaan kedudukan hadis ini, Imam Tirmizi berkata, “hadis ini *hasan gharib sahih*” (Sunan Tirmizi, jil.6, hlm.35). Menurut al-Albani, hadis ini adalah hadis sahih dalam kategori *hasan* (baik) kecuali sabda Baginda SAW yang berbunyi, “*rejamlah dia*”.

Hadis di atas secara umumnya boleh diqiaskan kepada situasi salah laku pedofilia atau rangsangan seksual terhadap kanak-kanak. Kerana situasi rogol dapat didefinisikan oleh undang-undang lazim (common law) sebagai “*the carnal knowledge of a female forcibly and against her will*” (Kleck & Sayles, 1990; Green, 1988:5). Rogol dalam bahasa Arab disebut sebagai *ightisab* yang berasal dari perkataan *ghasb* yang bererti merampas atau mengambil sesuatu tanpa kerelaan (Al- Namir Izat, Muhammad, 1984).

Pedofilia terbahagi kepada beberapa kategori, dan umumnya golongan ini tertarik kepada golongan kanak-kanak. Kajian terhadap pedofil lelaki menunjukkan mereka hanya tertarik kepada kanak-kanak lelaki (homoseksual pedofilia) sahaja, kanak-kanak perempuan (heteroseksual pedofilia), atau kedua-duanya sekali (biseksual pedofilia). Dan peratus homoseks pedofilia dari tahap 9% sehingga 40% iaitu kira-kira 4 hingga 20 kali lebih tinggi dari peratusan homoseks antara lelaki dewasa (Ryan and Richard, 2007).

Berdasarkan pendapat pakar di atas, ini menunjukkan bahawa terdapat tiga kategori pedofilia, sama ada homoseksual, heteroseksual atau biseksual. Dan ianya secara tidak langsung dapat dikaitkan dengan isu LGBT, ada kesinambungannya namun berbeza dari sudut umur. Dan teori ini memungkinkan kajian ini untuk mengambil dalil-dalil berkaitan biseksual, homoseksual dan heteroseksual sebagai hujah dan qias terhadap pedofilia.

5. Kesimpulan

Kajian mendapati tidak wujud hadis *sahih* atau *hassan* yang secara langsung membicarakan isu pedofilia. Walaupun dapatan kajian mendapati wujud 5 hadis yang membahaskan isu mencium kanak-kanak dengan syahwat, namun semua hadis tersebut berstatus *mawdu'* maka ianya *mardud* (tertolak). Sehubungan dengan itu, kosep *qias* perlu digunakan bagi mengambil kira isu kemudaratan terhadap ummat sepertimana isu penyalahgunaan dadah telah diqias dan dikaitkan dengan dalil pengharaman arak. Inilah yang disebut sebagai keindahan Islam, kerana ada ruang lingkup yang akan membahaskan setiap isu yang melanda umat, sama ada iaya perkara baru atau pun lama. Justeru, kajian ini akan diteruskan bagi melihat dalil-dalil al-Quran dan hadis yang sesuai untuk dijadikan sebagai qias kepada isu pedofilia, dan sekaligus dapat mencari solusi kepada perawatan dan pencegahan masalah ini dari terus berleluasa dalam masyarakat Islam hari ini.

6. Rujukan

- Al-Marbawi, M. I. (1998). Kamus Idris al-Marbawi Arabi - Malayuwi. Kuala Lumpur: Dar al-Nukman.
- Al- Namir Izat, Muhammad, *Jara'im al-Ird Qanun al-Uqabat al-Misri*, Dar al- Arabia lil Mausu'at, Kaherah, 1984, hal. 249.
- Al-Syeikh Muhiyuddin Acheh. 2007. *Mutiara Hadis Nabi Shifa ul-Qulub Penawar Jiwa*. Jahabersa, Johor Bharu.
- Michie, S. & Williams, S. 2003. Reducing Work Related Psychological ill health and Sickness Absence: A systematic Literature Review. *Occup Environ Med*, 3-9.
- Pereda N. et al. (2009). The International Epidemiology of Child Sexual Abuse: A Continuation of Finkelhor. *Child Abuse & Neglect*. 33(6):331-42.doi: 10.1016/j.chiabu.2008.07.007.
- Hall, R. C., & Hall, R. C. (2007, April). A profile of pedophilia: definition, characteristics of offenders, recidivism, treatment outcomes, and forensic issues. In *Mayo Clinic Proceedings* (Vol. 82, No. 4, pp. 457-471). Elsevier.
- Sinar Online. 2018. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/siasat-semula-kes-nurin-jazlin-1.856685>
- Sabir Abdul Ghani, Fadzli Adam & Muhammad Rashidi Wahab, 2014. Penilaian Penyalahgunaan Dadah Menurut Fatwa Ulama dari Perspektif Islam. *Journal of Business and Social Development*. UMT.
- Siddiqi, N., House, A. O. & Holmes, J. D. 2006. Occurrence and outcome of delirium in medical in-patients: A systematic literature review. *Age and Ageing*, 35 (4), 350-364. doi: 10.1093/ageing/af1005.